

Headline	Kajian siap akhir bulan depan		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	22 May 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	24	ArticleSize	355 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 11,800
Journalist	Nor Fazlina Abdul Rahim	PR Value	RM 35,401
Frequency	Daily		



## PENSTRUKTURAN AGENSI PERUMAHAN

# Kajian siap akhir bulan depan

→ Inisiatif elak pertindihan tugas, wujud sistem pengurusan lebih efisien

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@nstp.com.my

► Pasir Mas

**K**ajian penstrukturuan semula empat agensi perumahan negara, termasuk Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dijangka selesai selewat-lewatnya akhir bulan depan.

Timbalan Menteri Perumanan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah, berkata kajian berkenaan dilakukan syarikat profesional dilantik kerajaan.

Beliau berkata, kajian berkenaan penting bagi mengelak berlaku pertindihan tugas dan mendapatkan sebuah pangkalan data, sekali gus mewujudkan satu sistem pengurusan perumahan yang lebih efisien.

Katanya, sebaik pembenta-



[FOTO ZAMAN HURI ISA /BH]

**Raja Kamarul Bahrin melihat rumah contoh** ketika melawat tapak projek PR1MA Lubok Jong, Pasir Mas, semalam.

ngan kajian itu dibuat, pihaknya akan membuat keputusan untuk penstrukturuan semula supaya satu organisasi lebih efisien serta mantap dapat diurus.

### Perlu pangkalan data

“Setakat ini, ada empat agensi sehingga berlaku banyak pertikaian. Ramai mendakwa mereka sudah lama berdaftar se-

hingga berbelas-belas tahun, namun belum mendapat rumah.

“Justeru, apa yang penting kita perlukan pangkalan data supaya berlaku adil kepada semua yang layak dan tidak timbul sebarang pertikaian.

“Perlu ada sistem perumahan yang efisien, malah sistem berkenaan juga membantu golongan berpendapatan 40 peratus

terendah (B40) B40 mendapatkan rumah,” katanya pada sidang media selepas melawat pembinaan PR1MA Lubok Jong, di sini, semalam.

Pada masa sama, Raja Kamarul Bahrin Shah berkata, pihaknya juga bekerjasama dengan institusi kewangan bagi membolehkan golongan B40 memperoleh pinjaman.